

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 14 Februari 2017 16:19
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: IPDM TERIMA 30 ORANG PELAJAR PHD



14 FEBRUARI 2017 / 17 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Kunjungan kali kedua dari Universitas Islam Attahiriyah (UNIAT) ke Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) pada hari ini, bukan dengan tangan kosong. Pertemuan kali ini adalah bagi merealisasikan hasrat UNIAT untuk menghantar pelajarannya bagi menyambung pengajian ke peringkat PhD di UUM.

Kunjungan mereka disambut oleh Pengarah IPDM UUM, PPjR. Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri dan juga wakil dari Pejabat Naib Canselor, Dr. Herman Shah Anuar.

Dalam pertemuan kali ini, UNIAT yang diwakili oleh Prof Ikhwan telah menyerahkan sebanyak 30 borang pelajar PhD kepada Wakil Pejabat Naib Canselor, Dr. Herman Shah Anuar disaksikan oleh Pengarah IPDM.

Prof. Ikhwan berkata, mereka sangat gembira dan bertuah kerana hasrat untuk bekerjasama dengan UUM telah tercapai. Beliau berharap akan ada lebih ramai pelajar dan pensyarah dari UNIAT untuk menyambung pengajian di sini.

Manakala, Dr. Herman Shah Anuar dalam ucapannya, mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada UNIAT atas kesudian menghantar pelajar ke UUM. Beliau berharap hubungan erat antara dua buah negara ini akan terus kekal dengan pelbagai lagi program-program pada masa akan datang.

UUM juga akan turut memberi kerjasama dalam membantu pelajar-pelajar ini bagi mengikuti kelas *Academic Writing* dan *Research Method*.

Turut hadir, Prof. Misbahul Munir Sidqon dan Prof. Towaf Totok Irawan.

INSTITUT PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (IPDM)

Tel: 04-9284845 (Pejabat Am)

Fak : 04-9284842

E-mel: ipdm@uum.edu.my

Laman web: www.ipdm.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.